

Bendung dadah daripada menular ke pedalaman

November 4, 2015, Wednesday

BELAGA: Masalah penyalahgunaan dadah semakin berluasa dan perlu dibendung dengan segera agar ia tidak menular lebih teruk di kawasan pedalaman seperti yang berlaku di daerah Belaga sekarang.

Sehubungan itu Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Belaga Liwan Lagang mahu pihak berkuasa mempergiat tugas-tugas penguatkuasaan dalam usaha menggempur masalah atau gejala penyalahgunaan dadah.

Selain itu, mereka juga harus melancarkan operasi membanteras pengedar dan penagih dadah di kawasan pedalaman.

“Kita tidak tahu siapa sebenarnya sebagai pengedar dadah di kawasan pedalaman, sama ada orang luar atau orang tempatan sendiri, maka dengan itu gejala seperti ini perlu dibanteras lebih awal sebelum ia merebak lebih luas lagi,” katanya semasa merasmikan Majlis ‘Connecting The Unconnected’ di Uma Sambop, anjuran Jabatan Penerangan Malaysia (JPM) di sini, Ahad lalu.

Beliau yang juga Menteri Muda Kebudayaan dan Warisan Sarawak berkata, komunikasi dalam talian amat penting dalam arena global pada masa kini.

Maka dengan itu katanya, masyarakat pedalaman juga sangat memerlukan talian telefon dengan sebaik mungkin agar dapat menghubungi serta dapat berhubung dengan dunia luar.

Justeru beliau memohon agar Kementerian Komunikasi dan Multimedia supaya memberi peruntukan untuk membina talian tersebut.

“Saya juga menyeru masyarakat setempat supaya memberi sokongan penuh kepada parti dan calon di kawasan ini pada Pilihan Raya Negeri nanti demi kemenangan kerajaan yang memerintah.

“Kita tidak mengira siapa calonnya, saya sendiri atau calon baharu, jika calon baharu dicalonkan maka calon baharu itu adalah calon pilihan raya dan saya sedia memberi tunjuk ajar,” katanya sambil menambah, ia penting bagi mengelak perpecahan dalam kalangan rakyat.

“Justeru, apabila dipilih menjadi wakil rakyat, sama ada saya sendiri atau calon baharu maka tekad kita ialah mahu membela nasib masyarakat pedalaman khususnya di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Belaga,”ujarnya.

Beliau juga mengucapkan terima kepada Jabatan Penerangan Malaysia Sarawak kerana mengadakan aktiviti seperti itu di kawasan beliau kerana ia membolehkan masyarakat setempat berinteraksi dan berkenal mesra dengan masyarakat luar.

Pada majlis tersebut, 47 orang terdiri daripada pegawai kanan dan kakitangan JPM dari Putrajaya dan Sarawak mengadakan lawatan dan aktiviti di Uma Sambop.

Rombongan tersebut diketuai Timbalan Ketua Pengarah Penerangan Malaysia Datuk Jamilah Mohd Shahid.

Selain lawatan ke Uma Sambop, rombongan turut melawat Stesen Jana Kuasa Hidroelektrik Bakun dan di situ rombongan tersebut diberi taklimat oleh Pengurus Besar Hidroelektrik Bakun Anuar Abu Bakar.

Antara lain ialah penyerahan 'touch point' kepada masyarakat di rumah tersebut dan gotong-royong mengecat bangunan Sekolah Kebangsaan Uma Sambop, Belaga.